

Asnaf terus dapat bantuan



Ismail menyampaikan bantuan kepada penerima asnaf.

KUALA PILAH - Seramai 187 asnaf Dun Senaling melahirkan rasa lega apabila menerima bantuan tambahan pada bulan ini.

Meskipun mereka adalah penerima tetap bantuan, tetapi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) menerusi Baitulmal daerah menghulurkan bantuan tambahan sempena program Indahnya Dhuha di Masjid Kariah Sungai Dua Kecil.

Adun Senaling, Datuk Ismail Lasim telah menyempurnakan penyampaian bantuan asnaf fakir miskin itu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM37,400.

Katanya, setiap asnaf

masing-masing menerima RM200 seorang dan diharapkan dapat mengurangkan beban penerima.

"Saya juga ingin menzahirkan ribuan terima kasih kepada pembayar zakat kerana telah membantu golongan memerlukan. Semanganya melalui berzakat, ia boleh menghasilkan akhlak yang mulia.

"Melalui bayaran zakat juga ia dapat menanam dan melahirkan sifat mulia, rasa bertolak ansur dan sentiasa bersyukur. Pembayar zakat juga biasanya bersifat belas kasihan, peramah dan lembut kepada saudaranya yang tidak cukup keperluan.

"Justeru, saya amat menggalakkan kepada umat Islam untuk terus melaksanakan rukun Islam yang keempat ini," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini.

Selain itu, turut diadakan perkongsian ceramah mengenai keindahan dhuha disampaikan oleh Penolong Pegawai Agama Islam daerah Kuala Pilah, Ustaz Hidayat Abd Hamid.

Hadir sama adalah Pegawai Baitulmal Kuala Pilah, Ustazah Sri Rahayu Sarifin, Pengerusi JKKK Sungai Dua Kecil, Sharif Ali Sharif Osman dan Pengerusi Masjid Kariah Sungai Dua Kecil, Abd Malek Omar.